

HARI :

TARIKH : 17/9/2019

M/SURAT : 3

SELASA

Kerajaan rugi ratusan juta ringgit

Seludup minyak masak subsidi

Oleh MOHAMMAD YASIR JAAFAR

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 16 SEPT.

BUKAN puluh ribu, atau ratusan ribu sebaliknya kerajaan dipercayai mengalami kerugian ratusan juta ringgit setiap tahun akibat ketirisan subsidi minyak masak.

Sebagai rekod, kerajaan memperuntukan sebanyak RM600 juta bagi menampung kos subsidi bahan berkenaan di bawah Skim Penstabilan

! Eksklusif

Minyak Masak (COSS) tahun ini.

Namun, apa yang berlaku, terdapat segelintir pihak tamak yang didakwa mengaut keuntungan besar menerusi penjualan minyak masak peket satu kilogram yang disubsidi oleh kerajaan.

Menurut sumber, pihak terbabit menjana keuntungan dengan menyeludup bahan

keperluan bersubsidi itu ke luar negara.

"Kebiasaannya mereka ini akan membeli minyak masak peket ini daripada pembungkus yang mempunyai kuota subsidi iaitu pada harga RM2.50 sebelum menjual semula pada harga RM4.00 sekilogram.

"Ini bermakna mereka akan mendapat untung RM1.50 bagi satu kilogram, bayangkan hanya dengan menyeludup 200 tan, mereka boleh meraih untung mencecah RM300,000 sebulan," katanya

kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Peruntukan subsidi kerajaan RM600 juta itu merangkumi sebanyak 60 sen bagi setiap peket satu kilogram minyak masak.

Jelas sumber, ketirisan tersebut amat merugikan kerajaan memandangkan subsidi yang diperuntukan untuk rakyat dijadikan platform pihak terbabit untuk mengaut keuntungan mudah.

Itanya modus operandi pihak terbabit, sumber memaklumkan, minyak bersubsidi akan dibeli daripada pembungkus dalam jumlah pukal yang besar.

"Kemudian, mereka akan memotong peket minyak masak satu kilogram untuk dipindahkan ke dalam tong dram bersaiz 200 liter sebelum dihantar ke negara jiran.

"Masalah ini perlu dijawab sekali gus dibanteras kerana ia turut akan menjaskan bekalan minyak masak negara, sebab itu ada masa bekalan minyak satu kilogram berkurangan di pasaran tempatan," ujarnya.



KEGIATAN
menyeludup minyak masak bersubsidi ke luar negara menyebabkan kerajaan rugi ratusan juta ringgit.
- HIASAN